



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

KPWKM BERSAMA MEDIA 2023
8.00 MALAM | 15 FEBRUARI 2023 (RABU)
HOTEL IMPIANA, KLCC

Bismillahirrahmanirahim.

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana kita semua diberikan peluang dan kesempatan untuk sama-sama hadir dalam majlis penuh manfaat pada malam ini.

2. Selamat Datang dan terima kasih saya ucapkan kepada para hadirin kerana sudi meluangkan masa untuk sesi KPWKM Bersama Media 2023.

3. Sebelum meneruskan ucapan, saya ingin perkenalkan barisan pengurusan tertinggi KPWKM. Walaupun mungkin ada yang dah kenal, tapi malam ni kita nak lebih kenal lagi, kita nak bina *networking* yang sihat dan bermanfaat:

- i. Pertama, YB Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;
- ii. Seterusnya, YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWK M
- iii. Kita ada YBrs. Encik Chua Choon Hwa, TKSU Strategik KPWK M;
- iv. YBrs. Puan Farah Adura binti Hamidi, TKSU Operasi KPWK M yang baru sahaja melapor diri pada 30 Januari 2023 yang lalu;

- v. YBhg. Dato' Shaharuddin bin Abu Sohot, Ketua Pengarah JKM;
- vi. YBrs. Tuan Haji Abdul Shukur bin Abdullah, Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN);
- vii. YBrs. Dr. Wan Nur Ibtisam binti Wan Ismail, Ketua Pengarah JPW;
- viii. YBrs. Dr. Faridah binti Awang, Pengarah ISM;
- ix. YBrs. Puan Nordina binti Haron, CEO Yayasan Kebajikan Negara (YKN); dan

x. YBrs. Encik Juhari Jani, Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Kaunselor Malaysia

4. Saya juga ingin memperkenalkan Ms. Deborah Catherine Dris, Setiausaha Akhbar kepada saya di KPWKM dan juga Puan Nor Ratna Sridewi binti Mokhtar, Ketua Unit Komunikasi Korporat KPWKM yang baharu.

5. Saya kira saya juga perlu menyebut nama-nama KUKK dan Pegawai Perhubungan Awam (PRO) di agensi-agensinya sebab kita nak bina *networking* yang sihat:

- i. Encik Kamaruzaman bin Hassan yang mengetuai Unit Perhubungan Awam di JKM;
- ii. Puan Rosmonaliza binti Abdul Ghani, KUKK LPPKN;
- iii. Encik Isa bin Jasin, Pegawai Perhubungan Awam JPW;

- iv. Encik Azli bin Jamal, KUKK ISM.
- v. Encik Fathir bin Isha, YKN; dan
- vi. Puan Mumtaj Begum binti Mohd Sultan daripada Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM).

6. Mereka ini adalah pegawai-pegawai yang bertanggungjawab selaku *touch point* ataupun *gatekeeper* sekiranya ada sebarang urusan yang melibatkan media. Mereka jugalah yang bertanggungjawab terhadap imej dan nama baik

KPWKM serta agensi secara keseluruhannya dengan panduan dan kepimpinan daripada pengurusan tertinggi KPWKM.

Berat tanggungjawab itu.

MENGHARGAI PENGAMAL MEDIA

Tuan-tuan dan Puan-puan, Rakan-rakan media yang dihormati sekalian,

7. Bagai aur dengan tebing. Bagai isi dengan kuku. Begitulah diibaratkan hubungan yang terjalin antara kementerian dan juga tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Saling memerlukan dan saling bergantung antara satu sama lain. Tanpa media, KPWKM tidak akan

dapat berfungsi secara optimum dalam menyebarluas dasar, program dan aktiviti yang dilaksanakan.

8. KPWKM mengiktiraf peranan yang dimainkan oleh tuan-tuan dan puan-puan sekalian dalam membantu KPWKM selama ini. Jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan atas bantuan melaporkan dan mempromosikan inisiatif-inisiatif yang telah kita laksanakan kepada kumpulan sasaran di seluruh negara.

Pada malam ini, kita nak perkukuhkan lagi jalinan kerjasama dan ukhuwwah yang sedia ada.

9. Saya percaya bahawa media berperanan sebagai **helping hands** kepada Kerajaan bagi membantu menyebarkan inisiatif-inisiatif Kerajaan sekali gus bertindak sebagai **change agent** yang menyampaikan maklumat sahih kepada kumpulan sasaran Kementerian. Dengan perkembangan teknologi yang membolehkan

maklumat disebarikan dengan sangat cepat, hanya di hujung jari dan peningkatan penggunaan media dalam talian seperti *Facebook, Instagram, TikTok* dan sebagainya, cabaran untuk mengurus persepsi masyarakat terharap Kerajaan khususnya KPWKM memerlukan kami semua bertindak lebih cepat dan responsif. Tetapi pada masa yang sama, aspek integriti dan kesahihan maklumat juga tidak boleh diabaikan terutamanya bagi isu-isu teknikal yang melibatkan pelbagai akta dan peraturan.

10. Untuk itu, kami amat memerlukan bantuan dan kerjasama daripada tuan-tuan dan puan-puan, rakan-rakan media sekalian.

INISIATIF-INISIATIF TUMPUAN DI BAWAH KPWKM

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin yang saya hormati
sekalian,

11. KPWKM bersama-sama agensi dibawahnya merupakan peneraju utama dalam pembangunan dan kesejahteraan wanita, keluarga dan masyarakat selaras dengan konsep Pembangunan Malaysia MADANI. Enam (6) agensi dibawah KPWKM melaksanakan fungsi dan

peranan berbeza berteraskan visi dan misi yang ditetapkan. Isu-isu berbangkit yang sering kedengaran di media juga berbeza.

- (i) Rakyat selalunya berminat dengan perkara-perkara berkaitan bantuan bulanan dan geran di bawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). JKM juga sering disebut-sebut di media untuk perkhidmatan perlindungan dan kebajikan kepada kanak-kanak.

(ii) Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pula banyak melaksanakan program kesedaran bagi kesihatan reproduktif wanita, perkhidmatan subfertility dan program pembangunan keluarga. LPPKN juga menumpukan kepada aktiviti dan perkhidmatan kaunseling untuk remaja.

- (iii) Kita juga mempunyai Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) yang bertanggungjawab dalam memperkasa penglibatan wanita ke arah pembangunan negara.

- (iv) Institut Sosial Malaysia (ISM) yang berperanan sebagai peneraju Profesion Kerja Sosial selaras dengan penggubalan Rang Undang-Undang Profesion Kerja Sosial (RUU PKS) yang akan dibetangkan di Parlimen kelak;

(v) Yayasan Kebajikan Negara (YKN) merupakan sebuah organisasi yang menjalinkan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak dalam usaha menjana dana kewangan juga perkhidmatan untuk meningkatkan taraf hidup keluarga dan kanak-kanak yang memerlukan melalui perkhidmatan kebajikan, kesihatan dan pendidikan; dan

(vi) Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM) yang berperanan dalam memperkasa dan memperluas aksesibiliti perkhidmatan kaunseling kepada masyarakat.

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin yang saya hormati
sekalian,

12. Pada tahun ini, KPWKM akan menumpukan kepada pelaksanaan Akta Antigangguan Seksual 2021 (Akta 840) yang telah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong pada 8 Oktober 2022 dan diwartakan pada 18 Oktober 2022. Kita nak pastikan supaya peraturan dan tribunal dapat dibangunkan pada tahun ini. Kita juga mahukan supaya program hebahan dan advokasi

dapat dimulakan dengan kadar segera. Saya yakin KPWKM dan pihak media boleh bekerjasama rapat untuk merealisasikan hasrat supaya segenap lapisan masyarakat mendapat kesedaran akan adanya Akta ini dan kebaikannya. Semua orang mestilah menghentikan sebarang bentuk perlakuan gangguan seksual dengan serta merta.

13. Selain Akta Antigangguan Seksual, KPWKM juga bertanggungjawab terhadap 11 Akta lain termasuk

akta yang berada di bawah kementerian/agensi lain tetapi melibatkan fungsi KPWKM. KPWKM juga memikul amanah dengan mewakili kerajaan dan menyediakan laporan negara melalui pelbagai komitmen, deklarasi dan konvensyen antarabangsa antaranya *Convention on the Eliminations of Discrimination Against Women (CEDAW)*, *Convention on the Rights of Children (CRC)* dan *Convention on the Rights of People with Disabilities (CRPD)*.

14. Kita turut bertanggungjawab melaksanakan beberapa Dasar dan Pelan Tindakan yang melibatkan kumpulan sasaran yang kebanyakannya merupakan golongan rentan. Contohnya seperti Dasar Kanak-kanak Negara, Pelan Tindakan OKU, Dasar Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial Kebangsaan (PEKERTI) dan sebagainya. Apa yang saya nak tekankan di sini adalah, KPWKM sebenarnya telah banyak membantu rakyat yang memerlukan dalam segenap sudut.

15. Kita tidak nafikan, memang ada kelemahan dan banyak ruang untuk penambahbaikan dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Namun saya yakin, dengan kerjasama dan input daripada semua pihak, penambahbaikan ini akan dapat dilaksanakan dan kelemahan akan dapat diatasi untuk kebaikan semua.

PESANAN DAN HARAPAN

Tuan-tuan dan puan-puan, Rakan-rakan media yang saya hormati sekalian,

16. *Moving forward*, saya berhasrat supaya *feel good story* di KPWKM juga dapat disiarkan dalam media untuk meningkatkan kefahaman rakyat terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh KPWKM dan agensi-

agensinya. Ada ramai kanak-kanak yang telah diselamatkan oleh petugas-petugas JKM, dan ramai kanak-kanak yang berlingung dan mendapat penjagaan di institusi JKM di seluruh negara. Begitu ramai remaja mendapat manfaat daripada inisiatif KafeTEEN oleh LPPKN. Selain itu, LPPKN juga telah membantu ramai pasangan yang sukar mendapat zuriat melalui perkhidmatan sub-fertiliti. Saya yakin ramai wanita yang telah menjalani saringan Ujian HPV-DNA dan Ujian Mamogram di LPPKN untuk mengesan kanser reproduktif

wanita. JPW juga telah banyak melaksanakan program pembangunan wanita di seluruh negara. Kita juga nak *highlight* peranan yang dimainkan oleh sukarelawan-sukarelawan kaunselor di bawah kelolaan LKM.

17. Kami akan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan cerita-cerita ini dapat disampaikan kepada rakyat di luar sana, dan semestinya, dengan kerjasama dan bantuan tuan-tuan dan puan-puan, rakan-rakan media sekalian.

PENUTUP

18. Saya tidak bercadang mengambil masa yang lama untuk berucap pada malam ini. Justeru itu, saya sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang sudi meluangkan waktu bersama-sama hadir pada hari ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam penganjuran majlis ini. Semoga kerjasama padu seperti ini akan turut

diterjemahkan dalam konteks yang lebih luas, khususnya dalam membantu menyebarluas dasar, program dan aktiviti di bawah KPWKM.

**Terima kasih kami ucapkan,
Rakan media tak henti membantu;
Jasa dan bakti jadi taruhan,
Akan KPWKM kenang selalu.**

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamalaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT